

01 MAR 1997

OIC-Mahathir

DR MAHATHIR HADIRI SIDANG KEMUNCAK OIC DI TEHERAN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerima undangan untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelapan di Teheran Disember ini.

Dr Mahathir memberikan pengesahan itu kepada Menteri Luar Iran, Dr Ali Akbar Velayati yang mengunjunginya di pejabatnya di sini hari ini. Velayati telah menyerahkan jemputan yang ditulis sendiri dan ditandatangani Presiden Iran Hashemi Rafsanjani.

"Kita telah bersetuju bahawa agenda sidang kemuncak itu perlu lebih praktikal," kata Velayati kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata mereka juga berbincang mengenai perpaduan ummah dan dunia Islam serta hubungan antara negara-negara Islam.

Malaysia merupakan persinggahan pertama Velayati ke rantau ini untuk menyerahkan jemputan bagi sidang kemuncak itu.

Selepas ini beliau akan melawat Indonesia dan Brunei.

Mengenai kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) yang ditubuhkan baru-baru ini, Velayati berharap ia dapat menjalin hubungan erat dengan OIC.

Beliau berkata D-8 yang lebih berorientasikan ekonomi telah mengadakan dua mesyuarat peringkat menteri di Turki. Satu sidang kemuncak di antara pemimpin negara-negara D-8 dijadual diadakan tidak lama lagi. -- BERNAMA

AZZ AKD